

Undang-undang dadah dikaji semula



WAN Junaidi Tuanku Jaafar melawat ruang pameran Anti Dadah selepas hadir ke Majlis Seminar Penyalahgunaan Dadah Sempena Hari Anti Dadah Antarabangsa di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

SEREMBAN 24 Jun - Tiga akta berkaitan dadah akan dikaji semula berikutan ancaman daripada gejala itu semakin meruncing di peringkat global yang memerlukan satu pendekatan baharu dirangka dan dilaksanakan oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, perkembangan teknologi baharu dalam perhubungan dan pembuatan dadah memerlukan kerajaan melaksanakan pelan tindakan yang mampu mengekang ancaman tersebut.

Kata beliau, undang-undang yang dikaji itu ialah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

"Cabaran dadah di peringkat antarabangsa memerlukan negara mempunyai dasar yang lebih terperinci dan hala tuju yang lebih jelas mengenai masalah dadah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Penyalahgunaan Dadah Way Foward sempena Hari Antidadah Antarabangsa di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai

dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Mohamad Khalid Shariff, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Suhaimi Abdullah dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Seminar sehari itu anjuran AADK bersama USIM.

Wan Junaidi berkata, kajian tersebut tidak menetapkan masa tertentu untuk diselesaikan memandangkan kementerian perlu mendapatkan maklum balas dan input daripada semua pihak sebelum kertas Kabinet mengenainya disiapkan.

Menurutnya, antara perkara yang perlu diberi perhatian termasuk meneliti kemungkinan menjadikan perbuatan mencuba-cuba mengambil dadah sebagai bukan kes jenayah.

"Kita belum ada arah yang jelas dalam hal ini kerana berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada, mereka yang bukan penagih tetapi mengambil dadah secara cuba-cuba atau pertama kali masih perlu dihadapkan ke mahkamah," ujarnya.